

10/01/2002

Pembalakan mungkin punca banjir

KUALA LUMPUR, Rabu - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), masih belum mengenal pasti punca tragedi banjir lumpur di Kampung Seri Gunung Pulai Johor Bahru, 27 Disember lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Dua jabatan itu, Ahmad Fuad Embi, tidak menolak kemungkinan kejadian itu disebabkan pembalakan haram atau kerja pembersihan hutan yang melanggar syarat.

"Bagaimanapun, kita akan menjalankan kajian terperinci bagi mengenal pasti punca sebenar dan menolak sebarang andaian," katanya di sini, hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terkejut selepas menyaksikan sendiri kesan banjir lumpur di kampung berkenaan, mahu punca tragedi yang mengorbankan lima nyawa itu segera dikenal pasti.

Sambil menyifatkan kejadian itu antara paling dahsyat pernah berlaku di negara ini, Perdana Menteri berkata, siasatan perlu dilakukan untuk mengenal pasti punca kejadian.

Dalam kejadian banjir lumpur jam 11 malam itu, timbunan balak, tunggul kayu dan sampah dihanyutkan air deras ke kaki Gunung Pulai mengorbankan lima nyawa iaitu Salina Abas, 42; Nordiana Rahmat, 6; Mohd Aidil Rahmat, 4; dan Nuren Rahmat, setahun setengah dan Fatimah Sardan atau Abok, 60, manakala tiga orang lagi tercedera.

Ketika kejadian, semua mangsa dipercayai tidur. Bagaimanapun, 14 daripada penduduk di kawasan itu sempat menyelamatkan diri. Banjir lumpur itu turut menghanyutkan dua kereta dan sebuah bengkel kenderaan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Shaharuddin Mohd Ismail, berkata pihaknya masih menunggu laporan lengkap daripada Jabatan Perhutanan Johor.

(END)